

Peranan pesara ditagih bantu keberkesanan kerajaan – Idris

11 Disember 2017 2:00 AM



IDRIS HARON menyempilkan aji penghargaan kepada wakil pesara sempena majlis Penghargaan Pesara Perkhidmatan Awam Melaka 2017 di Remade Plaza Hotel, Melaka, baru-baru ini. - UTUSAN/FAZLI IZAH

MELAKA 10 Dis. – Peranan yang dimainkan pesara kerajaan sebagai rakan strategik penting amat ditagih kerana keupayaan kumpulan itu membantu kerajaan menyampaikan perkhidmatan terbaik dan berkesan kepada rakyat.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, pesara berperanan menyampaikan maklumat berhubung dasar-dasar kerajaan malah boleh menjadi mata dan telinga untuk mendapatkan maklumat serta maklum balas masyarakat berkaitan penyampaian perkhidmatan sedia ada.

Menurutnya, pengalaman dan pengetahuan para pesara amat tinggi nilainya dan perlu diturunkan kepada golongan muda supaya pengalaman berharga dalam perkhidmatan awam itu tidak hilang begitu sahaja daripada repositori ilmu perkhidmatan awam.

"Justeru, persaraan itu bukanlah pengakhiran sebaliknya permulaan bagi lembaran baharu kerana khidmat para pesara masih diperlukan untuk menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara selain membantu kerajaan sedia ada dari segi pandangan, buah fikiran serta idea yang luar biasa," katanya ketika berucap dalam majlis Penghargaan Pesara Perkhidmatan Awam Negeri 2017 di sini.

Hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Othman Muhamad; Setiausaha kerajaan negeri, Datuk Seri Naim Abu Bakar serta ahli-ahli Exco dan Timbalan Exco kerajaan negeri.

Jelas Idris, sebagai pelanggan yang menggunakan perkhidmatan langsung yang disediakan kerajaan, golongan pesara digalakkan menggunakan media sosial sebagai wadah untuk berkomunikasi dengan kerajaan secara real-time selain mengekalkan silaturahim.

Selain itu katanya, kerajaan akan terus menghargai sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan para pesara melalui penyediaan pelbagai faedah persaraan seperti pencen bulanan, ganjaran persaraan, gantian cuti rehat dan faedah perubatan yang diterima oleh semua pesara.

"Selain itu, pemberian bayaran khas kepada semua penjawat awam turut dinikmati pesara kerajaan tahun ini sebanyak RM500 dan RM250 masing-masing akan dibayar pada Januari dan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

"Melalui Bajet 2018 pula, kerajaan negeri turut menyediakan pelbagai insentif kepada golongan pesara kelahiran Melaka antaranya sumbangan RM250 kepada pesara tentera, sumbangan RM300 secara one-off kepada anggota Rela, sumbangan RM500 secara one-off kepada guru pendidikan, sumbangan RM500 kepada jemaah haji kali pertama berumur 60 tahun ke atas dan sebagainya," ujarnya.

Sementara itu pada majlis tersebut, sebanyak 69 pesara kerajaan dari 17 jabatan dan agensi kerajaan negeri diraikan oleh Idris sebagai tanda penghargaan atas komitmen tinggi sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam.
